

# Merbok & Jerai

## Sejarah yang Berbisik

Editor  
**Syazliyati Ibrahim**



Hakcipta terpelihara © 2018 Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan nisip kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara jua sama ada secara elektronik,fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Rektor, UiTM Cawangan Kedah, 08400, Merbok, Kedah, Malaysia.

Editor : Syazliyati Ibrahim  
Rekabentuk kulit buku : Asrol Hasan  
Susunatur : Asrol Hasan

**ISBN 9789670314396**

Cetakan oleh: Perpustakaan Sultan Badlishah  
Universiti Teknologi MARA Kedah,  
08400 Merbok,  
Kedah,  
Malaysia.

## **PENGHARGAAN**

Proses dokumentasi hasil penyelidikan yang dijalankan di sekitar Merbok dan Gunung Jerai ini tidak akan berjaya tanpa sokongan padu daripada pelbagai pihak sama ada individu ataupun institusi. Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih dihulurkan kepada:

- 1 Kerajaan Negeri Kedah Darulaman.
- 2 Dato'Tajul Urus Mat Zain, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengangkutan dan Badan-badan Bukan Kerajaan Negeri Kedah
- 3 Rektor, UiTM Cawangan Kedah. Dr. Asmadi Mohammed Ghazali
- 4 Penduduk-penduduk Kampung Bujang, Kampung Segantang Garam, Kampung Kuala Segantang Garam, Semeling, Gunung Jerai, Kampung Bukit Acheh, Tanjung Dawai dan Kampung Acheh.

## ISI KANDUNGAN

### **MERBOK DAN JERAI : SEJARAH YANG BERBISIK**

		<b>Muka Surat</b>
Penghargaan		i
Kata-kata aluan		iv
Pengenalan		vii
BAB 1	Islam di Kedah: Fajar Iman Nusantara <b>Ahmad Yumni Abu Bakar</b> <b>Maznah Wan Omar</b>	1
BAB 2	Tanjung Dawai : Antara Lautan dan Kehidupan <b>Maznah Wan Omar</b> <b>Mazlifa Md Daud</b> <b>Norhayati Ismail</b>	9
BAB 3	Ada Apa Pada Nama? Ceritera Yang Terungkap Disebalik Asal Usul Nama Kampung di Dewan Undangan Negeri Tanjung Dawai <b>Syakirah Mohammed</b> <b>Syatirah Abu Bakar</b> <b>Sarah Sabir Ahmad</b> <b>Nur Irinah Mohd Sirat</b>	31
BAB 4	Ban Merbok : Cahaya di Dalam Kegelapan <b>Syazliyati Ibrahim</b> <b>Fathiayah Ahmad Jali</b> <b>Azfaheen Zakaria</b> <b>Azni Syafena Andin Salamat</b> <b>Asrol Hasan</b>	42
BAB 5	Jejak Acheh di Yan : Singkapan Semangat dan Amanat <b>Nor Suhaiza Md Khalid</b> <b>Zarina Mohd Zain</b> <b>Suzei Mat Nurudin</b>	53
BAB 6	Permainan Tradisional Merbok – Nilam Pusaka Bangsa <b>Azfaheen Zakaria</b> <b>Asrol Hasan</b> <b>Syazliyati Ibrahim</b> <b>Azni Syafena Andin Salamat</b> <b>Fathiayah Ahmad Jali</b>	65
BAB 7	Rimbunan Hijau : Khazanah Herba Alam di Merbok <b>Azyyati Anuar</b> <b>Firdaus Abdul Rahman</b> <b>Suhardi Hamid</b>	75

BAB 8	Komuniti Cina di Merbok : Keringat Emas di Lembah Bertuah <i>Lee Chai Chuen</i> <i>Nor Azrina Mohd Yusof</i>	81
BAB 9	Gunung Jerai : Pasak Utuh Jelapang Padi <i>Fathiyah Ahmad Jali</i> <i>Azlan Abd Rahman</i> <i>Zaidi Yusoff</i> <i>Asmadi Mohammed Ghazali</i>	97
Kesimpulan		104
Senarai Penulis		106

## KATA – KATA ALUAN

**Sekapur Sireh**  
**YB. Dato' Haji Tajul Urus Haji Mat Zain**  
**Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan**  
**Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman**



Menyingkap sejarah dan menyoroti peristiwa yang melingkari kehidupan sehari-hari sesebuah masyarakat itu merupakan sesuatu yang harus dilakukan oleh kita. Sejarah membawa diri kita ke satu dimensi lalu yang bukan sahaja memberi peringatan bahkan menjadi agen kesedaran dalam memacu masa hadapan. Penelitian kepada sejarah merupakan sesuatu yang penting terutamanya dalam keadaan masyarakat lebih tertumpu kepada aspek pembangunan masa hadapan sahaja.

Penerbitan Buku Sejarah Yang Berbisik merupakan satu inisiatif terbaik dalam memaparkan sejarah-sejarah negeri Kedah Darul Aman, terutamanya di kawasan Tanjung Dawai, Merbok dan Jerai, kepada khalayak pembacanya. Soroton sejarah yang dicanaikan secara santai dan bersahaja ini pastinya mampu menarik perhatian segenap kelompok pembaca dan pastinya juga mampu menarik minat golongan muda untuk menghayatinya.

Jutaan tahniah dan segunung penghargaan dirakamkan kepada Sidang Editorial Sejarah Yang Berbisik atas penerbitan makalah sejarah ini. Barisan penulis dan editor Sejarah Yang Berbisik telah, secara hebatnya, mempersembahkan corak penulis kreatif dan menarik untuk menjadikan naskah ilmu ini diterima ramai. Pastinya kerjasama antara Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah tidak akan terhenti di sini dan akan berlanjutan demi memastikan kelangsungan pembangunan medan ilmu di Negeri kedah akan berterusan.



**Seulas Pinang**  
**YBhg. Dr Asmadi Mohammed Ghazali**  
**Rektor**  
**UiTM Cawangan Kedah**

Sejarah dan kisah yang melatari sesebuah bangsa merupakan satu bidang ilmu pengetahuan yang harus diselidiki secara sistematik dan menyeluruh. Pengamatan nilai sejarah pastinya akan membantu kepada pengertian secara keseluruhan mengenai perkembangan kehidupan mahupun masyarakat dan nilai kemanusian di masa lampau yang boleh dijadikan panduan kepada perencanaan masa hadapan.

Inisiatif Barisan Penulis Buku dan Sidang Editorial Sejarah Yang Berbisik untuk menghasilkan sebuah naskah ilmu yang menghimpunkan pelbagai kisah sejarah, baik yang telah dikenali mahupun tidak, merupakan satu inisiatif terbaik dan murni dalam membantu kepada pemupukan nilai cintakan sejarah dan negara. Pastinya khalayak pembaca akan terpikat dengan corak penyampaian nilai sejarah secara santai seolah-olah sedang pembaca sebuah cerita pendek rakyat. Bahan bacaan ringan yang padat dengan nilai sejarah dan kekitaan. Tahniah diucapkan kepada semua.

Kerjasama dan dorongan daripada pihak Kerajaan Negeri Kedah terutamanya Jawatankuasa Pendidikan Negeri Kedah Darul Aman pastinya akan mendorong kepada penghasilan lebih banyak makalah-makalah ilmu sejarah yang akan membantu kepada penghasilan komuniti masyarakat yang menyanjung nilai sejarah bangsa dan negaranya. Besar harapan agar kerjasama sebegini akan berterusan tanpa henti dan pastinya selepas ini akan lebih banyak medan ilmu dan sesi perkongsian pengetahuan akan terhasil.



### **Suatu Refleksi**

**PROF. DR. MAZNAH WAN OMAR**  
**Pengerusi**  
**SIG PICE (Special Interest Group – Public**  
**Interest Centre of Excellence)**  
**UiTM Cawangan Kedah**

Kedah merupakan sebuah negeri yang amat kaya dengan sejarah dan menyimpan pelbagai misteri. Asal-usul negeri ini telah bermula berabad lamanya dengan penemuan-penemuan arkeologi yang baharu yang telah membuktikan keutuhan dan kedaulatan negeri Kedah di persada sejarah. Daerah Merbok dan Gunung Jerai merupakan kawasan utama yang mempengaruhi susur galur kewujudan negeri Kedah. Sehingga kini, kawasan Merbok dan Gunung Jerai masih mempunyai tarikan yang tersendiri disebabkan penemuan penting khazanah sejarah dunia seperti candi-candi Lembah Bujang sehinggalah penemuan yang lebih terkini, iaitu penempatan penduduk dan aktiviti sosial mereka di Sungai Batu.

Memandangkan kedua-dua daerah ini sudah terkenal dengan sejarah yang disokong dengan bukti-bukti arkeologi, kehidupan masyarakat di kedua-dua kawasan tersebut sudah pastinya turut berubah mengikut peredaran zaman. Oleh yang demikian, kumpulan penyelidik UiTM Cawangan Kedah, iaitu SIG PICE (Special Interest Group – Public Interest Centre of Excellence) merasakan adalah penting untuk mendokumentasikan aspek-aspek kehidupan masyarakat yang mungkin tidak dapat dibuktikan dari sudut arkeologi. Contoh-contoh aspek kehidupan tersebut seperti cerita asal-usul nama tempat, aktiviti permainan dan rekreasi serta individu-individu yang berjasa yang mungkin tidak dapat dikesan dengan hasil carigali arkeologi. Sehubungan itu, dengan bantuan Dana daripada Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman, kumpulan ini telah menjalankan penyelidikan dengan merekodkan sejarah lisan daripada penduduk sekitar Merbok dan Jerai untuk memastikan kesinambungan sejarah negeri ini tidak sahaja bergantung kepada bukti arkeologi.

Kisah-kisah yang dikutip daripada penduduk-penduduk kampung di daerah Merbok dan Gunung Jerai yang dibukukan di sini terdiri daripada kisah-kisah yang unik berdasarkan pengalaman hidup mereka seawal tahun 1900 sehingga sekarang. Pelbagai topik yang tersemat di hati penduduk kampung antaranya ialah Islam di Kedah, pembangunan Tanjung Dawai, kesan projek Ban Merbok, komuniti Cina di Semeling sehingga kepada simbol Gunung Jerai kepada rakyat Kedah telah digarapkan di dalam buku ini. Harapan para penyelidik supaya hasil penyelidikan yang diterbitkan dalam bentuk bab dalam buku ini dapat membantu para pembaca mengetahui negeri Kedah amnya dan daerah Merbok dan Jerai khasnya dengan lebih dekat. Sejarah kehidupan penduduk yang dinukilkan ini diharapkan juga kekal menjadi rujukan dan sentiasa berbisik di hati pembaca, bukan lagi hanya berbisik di jiwa penduduk kampung yang akhirnya hilang ditelan kemodenan jika tidak direkodkan.

## PENGENALAN

Kompilasi kisah-kisah yang dikumpul daripada orang-orang kampung sekitar Merbok dan Jerai ini dimulakan dengan nukilan kisah *Islam di nusantara*. Negeri Kedah merupakan negeri di Nusantara yang menerima Islam lebih awal dari negeri Melaka (1414M), Terengganu (1303M) dan negeri-negeri yang wujud di Semenanjung Tanah Melayu. Islam telah bertapak di negeri ini sekitar tahun 1136M bersamaan 531H. Tokoh yang bertanggungjawab dalam menyebarkan Islam dan mengislamkan Maharaja Kedah ialah seorang ulama yang berasal dari negeri Yaman. Teori kedatangan Islam ke Kedah menunjukkan bahawa Islam telah bertapak di Kedah lebih awal dari negeri-negeri lain di Malaysia. Demikian juga halnya jika berdasarkan kepada catatan ahli sejarah seperti bukti-bukti batu nisan yang telah ditemui, bukti kewujudan alim ulama dan institusi pondok yang dibangunkan dan sebagainya Bab ini juga membahaskan mengenai asal-usul nama Kedah, kerajaan yang memerintah Kedah, lokasinya, Gunung Jerai, tokoh pengasas kerajaan Kedah Tua dan tokoh ulama yang mengislamkan Maharaja Kedah dan rakyatnya serta pemerintahan putera-putera Sultan Muzaffar Shah I dengan lebih mendalam. Perbincangan terakhir diteruskan dengan topik kedatangan Islam ke Kedah lebih awal dari Melaka dan negeri-negeri semenanjung Tanah Melayu.

Seterusnya, bab *Tanjung Dawai – antara lautan dan kehidupan*, mengupas keadaan kehidupan penduduk Tanjung Dawai dari segi kegiatan ekonomi dan infrastruktur yang ada untuk kegunaan penduduk tempatan dan pelancong. Tanjung Dawai merupakan satu kawasan muara sungai dengan kebanyakan penduduknya bekerja sebagai nelayan, peniaga, pengusaha makanan laut, dan pengeluar produk hasilan laut. Arked Tanjung Dawai dibina dengan tujuan untuk memberi peluang kepada penduduk tempatan bermiaga hasilan laut yang diperoleh daripada lautan luas. Infrastruktur asas seperti sekolah, pengangkutan awam, masjid, dan persekitaran Tanjung Dawai juga turut dikupas secara ringkas.

Selain itu, kisah-kisah di sebalik nama-nama kampung di Dewan Undangan Negeri Tanjung Dawai, Kedah juga berjaya direkodkan hasil daripada temu ramah dengan penduduk kampung. Antaranya ialah *Ada Apa Pada Nama? Ceritera Yang Terungkap Di sebalik Asal-Usul Nama Kampung di Dewan Undangan Negeri Tanjung Dawai*. Nama-nama kampung ini mempunyai keunikan yang tersendiri. Nama sesuatu tempat kadangkala mempunyai konteks sejarah yang harus dipelihara. Nama sesuatu tempat juga boleh menggambarkan sifat-sifat persekitaran asal yang kini mungkin telah berubah ditelan arus masa dan kemodenan. Hal ini juga boleh memberi gambaran kekayaan warisan, budaya, aktiviti ekonomi, dan identiti masyarakat terdahulu. Asal-usul nama-nama kampung di Merbok dan Bujang yang diperoleh daripada cerita-cerita lisan penduduk-penduduk kampung wajar dicatatkan sementara mereka yang mempunyai pengetahuan tentangnya masih hidup dan sebelum asal-usul tersebut dilupakan.

Kepayahan dan kesusahan hidup penduduk Kedah pada suatu masa dahulu juga direkodkan dalam bab *Ban Merbok: Cahaya di Dalam Kegelapan*. Pada zaman 1960-an, terdapat sebuah projek kerajaan negeri yang dinamakan Projek Ban Merbok. Dahulunya, projek ini dikenali sebagai Program Pamah Kerajaan. Projek ini telah dikendalikan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Cawangan Kuala Muda, Kedah. Keistimewaan projek ini melibatkan tebus guna tanah di kawasan air masin yang merangkumi kawasan seluas 100 km persegi dan melibatkan 56 mukim. Antara kawasan yang terlibat ialah Merbok, Sungai Baru, dan Bujang. Kisah Ban Merbok dan Kampung Kuala Segantang Garam ini wajar direkodkan bukan hanya atas dasar sebuah projek tebus guna kerajaan. Perkara yang perlu dipelajari di sebalik kisah penerokaan projek Ban Merbok ini sebenarnya adalah tentang kehidupan insan yang dibelenggu kesusahan hidup dan kesanggupan mereka untuk bekerja keras menyahut seruan pihak kerajaan untuk membuka atau memugar satu kawasan hutan paya bakau yang penuh cabaran semata-mata untuk memperoleh kehidupan yang lebih baik.

Seterusnya, semangat dan jati diri masyarakat Acheh turut dikupas dalam bab ***Jejak Acheh di Yan: Singkapan Semangat dan Amanat***. Kehidupan masyarakat Acheh di Yan, Kedah telah bermula semenjak tahun 1888 lagi. Ada di kalangan mereka yang telah melepas generasi keempat atau kelima yang menetap di Kampung Acheh. Namun, bagi sebilangan kecil masyarakat Acheh yang terdiri daripada generasi ketiga; mereka masih kekal dan kukuh dengan bahasa dan budaya Acheh walaupun telah berlaku assimilasi dengan masyarakat Melayu Kedah. Menelusuri sejarah kedatangan mereka ke Tanah Melayu, terdapat dua versi berbeza yang dapat dikaitkan dengan hal tersebut. Versi pertama merujuk kepada penghijrahan mereka ke daerah Yan pada sekitar kurun ke-18. Versi kedua pula menceritakan sebahagian orang Acheh yang turut sama berhijrah telah mendarat di Langkawi. Masyarakat Acheh sangat kuat berpegang teguh kepada ajaran Islam sehingga mereka membina sebuah sekolah agama seusai kedatangan mereka di Yan. Masyarakat Acheh juga mewarisi keunikan budaya mereka tersendiri, di samping turut aktif bekerjasama mewujudkan gerakan perniagaan bagi mengukuhkan ekonomi mereka. Pelbagai aktiviti telah direncanakan oleh masyarakat Acheh di Yan antaranya penerbitan buletin yang dikenali dengan nama Narit Geutanyo, penulisan kamus Bahasa Acheh-Bahasa Malaysia-Bahasa Acheh, dan pembinaan galeri.

Hasil temu teramah seterusnya direkod dalam bab ***Permainan Tradisional Merbok – Nilam Pusaka Bangsa***. Antara aktiviti masa lapang yang digemari oleh segenap lapisan masyarakat terutama pada zaman sebelum alaf baharu ialah permainan berkumpulan. Permainan berkumpulan yang popular terutama di kalangan kanak-kanak lebih bersifat tradisional kerana turut digemari oleh kanak-kanak pada zaman dahulu. Di Merbok, terdapat beberapa permainan yang amat popular pada zaman 1950-an tetapi sayangnya hampir tidak dikenali oleh generasi pada zaman ini kerana pengaruh perkembangan teknologi terutamanya permainan berteknologi. Oleh itu, langkah untuk mendokumentasikan pelbagai jenis permainan tradisional yang semakin pupus ditelan zaman ini dirasakan amat penting supaya generasi masa hadapan dapat mengenali warisan yang ditinggalkan oleh generasi terdahulu. Antara permainan tradisional yang dimainkan oleh penduduk kawasan Merbok ialah permainan sole, permainan tuju ayam, permainan poroq, dan permainan kawaq.

Bab ***Rimbunan hijau: khazanah herba alam di Merbok*** pula merekodkan maklumat tentang tumbuh-tumbuhan yang meliar di sekitar Merbok tetapi mempunyai pengaruh yang besar dalam kehidupan masyarakat kampung. Merbok merupakan kawasan yang terdiri daripada pelbagai bentuk muka bumi seperti kawasan tanah pamah, sawah padi, dusun dan kebun getah, paya bakau, rimba belantara dan kaya dengan pelbagai pokok dan tumbuh-tumbuhan. Bagi menelusuri dengan lebih dekat pokok dan tumbuh-tumbuhan yang terdapat di sekitar Merbok, temu bual bersama dengan penduduk tempatan dijalankan bagi mendapat gambaran yang sebenar tentang keunikan sejarah, fungsi, dan khasiat di sebalik nama-nama pokok yang tidak pernah dirungkai sebelum ini.

Bab ***Komuniti Cina di Merbok: Keringat emas di lembah bertuah*** pula merupakan sebuah kisah sejarah kedatangan orang Cina ke Pekan Merbok, Kedah. Kesusahan hidup, terpaksa meninggalkan anak isteri di negara sendiri, dan bersendirian di lembah bertuah mengajar kaum Cina yang datang berhijrah ke Tanah Melayu untuk lebih berusaha dan cekal bagi memastikan generasi seterusnya dapat hidup dengan lebih selesa pada masa hadapan. Berpandukan kepada prinsip, ‘biar miskin kehidupan, jangan miskin pendidikan’, pembukaan sekolah pendidikan Cina di Tanah Melayu membuktikan kaum Cina mementingkan pendidikan agar generasi mereka di Tanah Melayu masih dapat mempelajari dan mewarisi kebudayaan serta asal-usul nenek moyang mereka. Kelahiran seorang tokoh pendidikan Cina di Pekan Merbok telah menjadikan lembah bertuah ini terkenal di kalangan masyarakat Cina seluruh Malaysia. Jasa dan sumbangan mendiang Dato’ Lee Sing Chooi dalam bidang pendidikan Cina menjadikan beliau seorang tokoh pendidikan yang disanjungi di kalangan penduduk Cina di Pekan Merbok ini.

Akhir sekali, bab ***Gunung Jerai: Pasak Utuh Jelapang Padi*** merekodkan keunggulan simbol Gunung Jerai kepada penduduk Kedah khususnya yang tinggal di sekitar kaki gunung tersebut. Puncak tertinggi di negeri Jelapang Padi ini yang berdiri teguh pada ketinggian 1,217 meter dari paras laut merupakan salah sebuah pelabuhan entrepot yang gemilang satu masa dahulu. Perbincangan bakal berkisar kepada tiga domain utama, iaitu sumbangan Gunung Jerai kepada nilai ekonomi, hidup dan alam sekitar serta signifikan kewujudannya kepada masyarakat sekitar, khususnya dan seluruh warga Kedah, amnya.

# BAN MERBOK: CAHAYA DI SEBALIK KEGELAPAN

**Syazliyati Ibrahim**

*Akademi Pengajian Bahasa  
Universiti Teknologi MARA Kedah  
syazliyati@kedah.uitm.edu.my*

**Fathiyah Ahmad Jali**

*Akademi Pengajian Bahasa  
Universiti Teknologi MARA Kedah  
fathiyah@kedah.uitm.edu.my*

**Azfa hanee Zakaria**

*Fakulti Pengajian Perniagaan  
Universiti Teknologi MARA Kedah  
azfa292@kedah.uitm.edu.my*

**Azni Syafena Andin Salamat**

*Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi  
Universiti Teknologi MARA Kedah  
azni\_syafena@kedah.uitm.edu.my*

**Asrol Hasan**

*Fakulti Senilukis dan Seni Reka  
Universiti Teknologi MARA Kedah  
asrol726@kedah.uitm.edu.my*

## PROJEK BAN MERBOK

Pada zaman 1960-an, terdapat sebuah projek kerajaan negeri yang dinamakan Projek Ban Merbok. Dahulunya, projek ini dikenali sebagai Program Pamah Kerajaan. Projek ini telah dikendalikan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Cawangan Kuala Muda, Kedah. Keistimewaan pada projek ini ialah kerana ianya melibatkan tebus guna tanah di kawasan air masin yang merangkumi kawasan seluas 100 km persegi dan melibatkan 56 mukim. Antara kawasan-kawasan yang terlibat ialah Merbok, Sungai Baru dan Bujang.

Kawasan tebus guna di Kuala Segantang Garam yang terletak di bawah kawasan Merbok dipantau oleh Penghulu Mukim Bujang. Projek ini dimulakan pada zaman Tun Datuk Seri Utama Syed Ahmad Al-Haj bin Syed Mahmud Shahabuddin yang ketika itu merupakan Menteri Besar Kedah.

Pada asalnya kawasan tanah sebelum aktiviti tebus guna merupakan kawasan paya bakau yang amat luas. Jika dilihat sekilas pandang kawasan ini kelihatan tidak sesuai untuk diterokai atau diduduki. Selain hutan paya bakau yang luas, kawasan ini merupakan kawasan air masin yang jika diteroka untuk tujuan pertanian, akan mengambil masa yang agak lama untuk disesuaikan dengan tanaman. Masa yang agak panjang diperlukan untuk menyesuaikan tanaman dengan tanah tersebut.

Walau bagaimanapun, atas sebab desakan untuk meluaskan tanah bagi tujuan pertanian dan juga desakan untuk membantu rakyat yang tidak mempunyai tanah serta rumah, maka inisiatif ini tetap dijalankan bagi memenuhi keperluan rakyat.

Projek Ban Merbok ini dijalankan secara berperingkat dimulakan dengan Jilid 1, 2, 3 di Mukim Merbok, Jilid 4 dan 5 di Sungai Baru serta Jilid 6, 7, 8, 9 di Mukim Bujang. Terdapat seperkara lagi yang menarik tentang Projek Ban Merbok ini kerana fasa projek ini (yang disebut jilid) disusun mengikut nombor menaik dari 1, 2, 3, 4, dan 5. Bagaimanapun, untuk jilid seterusnya, Jilid 7 dijalankan dahulu, kemudian barulah Jilid 6, 8, dan 9.

Projek ini pada waktu itu dibuka untuk diteroka dan permohonan sebagai peneroka diutamakan kepada semua anak Kedah yang masih belum mempunyai tanah. Oleh itu, ramai pemohon telah datang dari pelbagai pelosok Negeri Kedah untuk menyatakan hasrat mereka bagi memperoleh sebidang tanah bersaiz lebih kurang lima relung yang akan diberi kepada setiap pemohon yang berjaya. Namun demikian, ada juga sesetengah permohonan yang dibuat oleh pemohon dari negeri-negeri utara yang lain. Bagi melayakkan diri mereka, pemohon perlu mengisi borang dan ditemuduga untuk memastikan kesahihan maklumat yang diberi.

Setelah melalui prosedur yang ditetapkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran, maka mereka yang layak telah diberi sebidang tanah untuk dibangunkan sebagai kawasan penempatan dan pertanian. Maka bermulalah hidup mereka sebagai peneroka di Segantang Garam. Memandangkan Tanah Melayu pada masa itu baru enam tahun mengecapi nikmat kemerdekaan, kerajaan pada ketika itu belum mampu untuk menyediakan kemudahan elauan dan peralatan memugar tanah kepada peneroka. Hanya tulang empat kerat menjadi nadi kekuatan mereka untuk terus berusaha.



Gambar 4.1: Tali air Projek Ban Merbok



Gambar 4.2:Tali air daripada Projek Ban Merbok sekarang yang khidmatnya masih diperlukan

*“ Pengusaha Projek Ban Merbok menjalankan tebus guna tanah paya yang bersaiz lima relung hanya menggunakan cangkul dan kapak, tanpa bantuan apa-apa jentera.”*

## KAMPUNG KUALA SEGANTANG GARAM – NIKMAT YANG TIDAK TERDUSTA


Kampung Kuala Segantang Garam wujud bukan atas sebab seperti yang biasa. Kampung ini bernama Kampung Kuala Segantang Garam dan terletak bersebelahan dengan kampung asal yang diberi nama Kampung Segantang Garam. Perkampungan ini merupakan kampung di bawah Mukim Bujang, Merbok dan perjalanan dari Pekan Merbok mengambil masa lebih kurang 15 ke 20 minit.

Ada kisah menarik tentang kampung ini pada zaman sebelum ada jalan yang dibina untuk menghubungkan kampung ini dengan dunia luar. Memandangkan kurangnya kemudahan asas pada ketika itu, penduduk kampung akan ke Pekan Sungai Petani yang jaraknya agak jauh untuk membeli barang keperluan. Dikatakan oleh orang kampung kerana terlalu sukar untuk ke Pekan Sungai Petani, maka penduduk kampung di situ membeli garam sebanyak segantang sebagai bekal bahan memasak mereka kerana amat jarang mereka mendapat peluang untuk keluar ke pekan.



Gambar 4.3:Jalan masuk ke Kampung Segantang Garam (kampung asal yang memberi nama kepada Kampung Kuala Segantang Garam)

Kisah Kampung Kuala Segantang Garam ini wajar direkodkan bukan hanya atas dasar sebuah projek tebus guna kerajaan. Kisah yang perlu dipelajari daripada penerokaan Kampung Kuala Segantang Garam ini adalah kisah kesusahan hidup manusia dan kesanggupan mereka untuk bekerja keras menyahut seruan pihak kerajaan untuk membuka atau memugar satu kawasan hutan paya bakau yang penuh cabaran semata-mata untuk memperbaiki kehidupan keluarga.




**Gambar 4.4: Surau Kampung Segantang Garam yang baru dibaik pulih pada tahun 2015**

### **KELUARGA WAHAB: RANJAU BERGANTI SINAR**

Untuk Wahab sekeluarga, kejayaan mendapat tanah Projek Ban Merbok telah memberikan satu sinar harapan kepada mereka. Wahab yang asalnya tinggal di Kampung Bakar Arang, Pantai Merdeka amat bersyukur diberi peluang untuk meneroka tanah paya bakau tersebut. Walau bagaimanapun, memandangkan anak-anaknya seramai enam orang yang masih kecil itu, keadaan tidak mengizinkan beliau untuk menjalankan penerokaan itu sendiri. Selain itu, kawasan yang perlu diteroka itu pula adalah hutan dan berpaya serta penuh dengan binatang liar justeru tidak membolehkan beliau membawa keluarganya bersama untuk turut sama membanting tulang meneroka kawasan tersebut. Maka beliau pun teringatkan adik iparnya bernama Mat Saman yang sememangnya memerlukan bantuan.

Adik iparnya hanya mempunyai seorang anak perempuan peringkat umur awal remaja yang kemungkinan besar tidak akan menyukarkan keluarga mereka untuk melakukan kerja-kerja penerokaan. Oleh itu, Wahab pun mencadangkan adik iparnya itu supaya membantunya untuk memugar kawasan paya bakau tersebut. Wahab, atas dasar mahu membantu dan berterima kasih kepada adik iparnya telah bersetuju untuk berkongsi tanah yang diberi setelah tanah siap dipugar. Janji yang diikat antara kedua-dua pihak ini hanya dimeterai secara lisan.



## MAT SAMAN DAN PAYA BAKAU

Pada tahun 1968, berpindahlah keluarga Mat Saman ke kawasan hutan paya bakau dan bermulalah episod hidupnya sebagai pahlawan cangkul. Dikenali sebagai pahlawan cangkul kerana cangkul merupakan peneman setia beliau sepanjang perjalanan untuk meneroka tanah di situ. Mat Saman pada asalnya adalah nelayan kecil yang berasal dari Kelantan. Beliau bersyukur kerana peluang yang diberikan oleh abang iparnya sedikit sebanyak telah memberi harapan beliau, isteri dan anak tunggal mereka, Nab untuk mendapat kehidupan yang lebih selesa pada masa hadapan.

Walau bagaimanapun, kehidupan yang selesa ini hanya boleh dinikmati selepas ranjau dan keperitan memugar hutan paya bakau yang terbentang luas di depan matanya sekarang. Namun Mat Saman tidak goyah, hatinya cekal seteguh karang. Beliau juga orang kampung yang sememangnya sudah terbiasa dengan kehidupan yang susah. Dengan bantuan isterinya dan juga Nab anak perempuannya yang masih dalam peringkat awal remaja itu, dibinanya dangau atau pondok untuk mereka anak-beranak berteduh. Kayu pokok bakau di sekeliling mereka menjadi bahan utama pembinaan pondok.

Kehidupan di kelilingi hutan sesungguhnya menakutkan dan memeritkan. Kerja memugar pada siang hari agak mudah untuk diusahakan tetapi pada waktu malam suasana dan keadaannya amat mengerikan. Namun usaha tersebut perlu diteruskan kerana janji yang telah termeteri. Saban malam unggun api perlu dinyalakan supaya api dan asap boleh menghalau nyamuk. Nyamuk pula bukanlah serangga yang perlu ditakuti oleh Nab, satu-satunya anak perempuan Mat Saman. Nab lebih takutkan binatang buas seperti harimau, babi hutan dan lain-lainnya yang boleh sahaja menerokam ke arah mereka dari dalam kegelapan. Jiran terdekat pula amat jauh, sejauh 5 relung tanah luasnya dan bukanlah boleh dihubungi dengan mudah apabila berada di tengah hutan sebegini.

Sesungguhnya, janji, ketabahan, cita-cita dan juga perlindungan Allah yang Maha Kuasa sahaja yang memberikan kekuatan kepada Nab. Nab amat mengagumi dan menghargai kesungguhan dan kesabaran ayahnya serta ibunya dalam tempoh masa dua tahun yang diambil untuk meneroka hutan paya bakau tersebut. Nab paling gembira sekiranya dia boleh pulang dan tinggal dengan neneknya di Tanjung Dawai apabila ada peluang kerana dia boleh melupakan sebentar kegerunan hutan paya bakau tersebut. Sekurang-kurangnya dia boleh bermain bola jaring, randas (rounders) atau baling/tuju kasut dengan kawan-kawan yang sebayanya. Baginya, semua permainan ini amatlah menyeronokkan. Walau bagaimanapun, Nab sedar, dia perlu juga menemani dan membantu ayah dan ibunya meneroka tanah maka pulanglah mereka sekeluarga ke hutan yang menakutkan itu demi masa hadapan.

Mat Saman, berbekalkan cangkul dan kapak kepunyaannya berdepan dengan pokok bakau yang akarnya berceragah ke dalam air. Semua pokok perlu ditebang. Tatkala pokok ditebang, binatang-binatang yang menumpang teduh dan bersembunyi di balik dahan dan akar akan lari bercempera keluar. Mat Saman perlu berhati-hati dengan ancaman binatang-binatang ini. Ada yang kecil dan tidak ganas, ada yang yang besar dan ganas, ada yang kecil merayap dan berbisa. Selain pokok bakau yang banyak, kawasan hutan ini juga menjadi tempat pembiakan udang ketak atau udang lipan. Udang ini yang boleh dimakan, membiak di dalam pongsu atau sarangnya yang berbentuk bukit kecil seperti busut anai-anai atau semut. Saiz pongsu udang ketak ini besar-besar dan tinggi busutnya boleh mencapai ketinggian seorang lelaki.

Kerja memugar ini tidak mendatangkan apa-apa hasil untuk sara hidup sehari-hari. Oleh itu, untuk memastikan kesinambungan hidup, Mat Saman meneruskan aktiviti lamanya, iaitu menangkap ikan. Dengan membahagikan masa mencari rezeki melalui tangkapan ikan secara kecil-kecilan yang dilakukan di Sungai Merbok dan juga menjalankan kerja-kerja memugar, Mat Saman dengan sokongan isteri dan anaknya Nab akhirnya berjaya mencerahkan kawasan paya itu selepas lebih kurang dua tahun. Sekarang ini, pongsu udang ketak setinggi orang tiada lagi. Pokok bakau dengan akar berceragah pun sudah rebah ditenggelami air masin. Inilah rupa kejayaan. Hampir dua tahun bertarung dengan pelbagai dugaan luaran dan dalaman, akhirnya Mat Saman telah membuktikan bahawa dia merupakan seorang pahlawan cangkul yang unggul.

Masa untuk berbincang dengan Wahab abang iparnya telah tiba. Janji lisan yang dipegang kedua mereka sekarang akan menjadi kenyataan. Wahab, yang kagum dan merasa amat lega serta gembira melihat kejayaan Mat Saman sememangnya mengotakan janjinya. Maka tanah yang dipugar telah dibahagi dua dengan adik iparnya.

***“ Segantang Garam mendapat namanya disebabkan jaraknya yang jauh dari pekan Sungai Petani. Khabarnya, orang kampung perlu membeli segantang garam supaya bekalan garam mereka dapat bertahan lama untuk mengelakkan perjalanan yang jauh ke pekan untuk membeli garam.”***

## WAHAB DAN KUALA SEGANTANG GARAM

Setelah tanah dicerahkan, tibalah pula masa Wahab untuk berpindah ke tempat baru. Oleh kerana tanah itu masih mempunyai air masin maka kerja-kerja penambakan tanah perlu dilakukan untuk proses menghalang air masin dari terus memasuki kawasan kampung baharu itu. Tambahan pula dengan kekangan yang dihadapi, Wahab tidak dapat membawa keseluruhan ahli keluarganya ke situ. Anak-anak yang lebih kecil pula masih perlu bersekolah. Oleh itu, Wahab mengambil keputusan untuk berpindah ke kampung baharunya di Kuala Segantang Garam dengan ditemani anak lelakinya sahaja, Tajuddin yang dipanggil Ali. Dengan hati yang luluh, anak-anak yang lain ditinggalkan sementara dengan isterinya di Pantai Merdeka untuk meneruskan persekolahan.

Pada awal tahun 1970, berperahulah kedua beranak merentasi muara Sungai Muda untuk sampai ke Kuala Segantang Garam. Sebagai nelayan kecil yang memang mahir menjala dan memukat ikan di sungai dan juga pesisir Pantai Merdeka, merentasi muara Sungai Muda ini merupakan satu perkara yang amat biasa. Apabila mereka tiba ke tanah baharu mereka, bermulalah pula satu pengembawaan untuk menjadikan kawasan itu sesuai bercucuk tanam serta dijadikan kawasan penginapan sebuah keluarga.

Tajuddin atau Ali berusia 20 tahun ketika itu. Sebagai anak muda kampung, Ali sudah biasa dengan kehidupan sukar. Oleh kerana kawasan yang baru diteroka itu masih dalam proses dibersihkan, tiada sumber air tawar di situ. Untuk mendapat bekalan minuman yang bersih, Ali terpaksa mengayuh basikal sejauh lebih kurang 5 km untuk mengambil air telaga di bawah pokok asam di Kampung Sungai Gelam. Berbasikal sejauh 5 km pada tahun 1970 adalah amat mencabar kerana tiada jalan yang dibina, hanya denai jalan kaki yang tersedia dan tanah pula masih belum rata kerana bekas dipugar. Selain Kampung Sungai Gelam, sumber air bersih juga diperoleh dari Kampung Bakar Arang di Pantai Merdeka, iaitu kampung asal Wahab sekeluarga. Namun kerana keperluan, muara sungai itu tetap direduhai Ali dan ayahnya sepanjang menjalankan kerja membersihkan tanah kampung baharu mereka dengan berbekalkan tong air.


Setelah sekian lama berlalu, kini Projek Ban Merbok telah memberikan kesejahteraan buat Wahab sekeluarga serta generasi seterusnya. Wahab juga telah dapat memberikan ruang berteduh serta keselesaan buat isteri dan anak-anaknya. Mereka mampu memiliki tanah dan rumah hasil daripada peranan kerajaan yang sentiasa berusaha untuk memajukan dan meningkatkan taraf hidup rakyatnya.

Gambar 4.5: Kampung Kuala Segantang Garam yang indah bersebelahan Sungai Merbok



## KUALA SEGANTANG GARAM KINI

Kuala Segantang Garam kini merupakan sebuah kampung yang permai dan harmoni. Kegiatan ekonomi utama masyarakat kampung adalah sebagai petani dan nelayan. Walau bagaimanapun, satu projek utama yang telah berjaya menjadikan Kampung Kuala Segantang Garam sebagai tumpuan orang ramai atau pusat percutian adalah Projek Chalet Terapung Kuala Segantang Garam yang diusahakan oleh Pertubuhan Peladang Kawasan Merbok. Chalet Terapung ini terkenal kerana terletak jauh dari hiruk-pikuk kawasan bandar. Selain itu, chalet ini juga popular di kalangan mereka yang suka memancing kerana kedudukan chalet yang terletak betul-betul di atas air memudahkan para peminat aktiviti memancing untuk menjalankan aktiviti mereka.



Gambar 4.6: Papan tanda ke Chalet Terapung Kuala Segantang Garam

Gambar 4.7: Pintu masuk ke chalet



Selain itu, terdapat juga projek pembuatan bot fiber yang dijalankan oleh En Ali bin Din @ Wahab. Bot fiber yang dihasilkan oleh En Ali dan pekerjanya dipasarkan ke seluruh pelosok tanah air dan juga luar negara bergantung kepada permintaan. Kegiatan ekonomi ini juga sedikit sebanyak telah membantu penduduk kampung meningkatkan tahap ekonomi mereka.



Gambar 4.10: Bot fiber yang telah dicat sedang dijemur

***“ Bot fiber En Ali mendapat tempahan dari dalam dan juga luar negara dan menjadi sumber ekonomi penduduk kampung yang berkerja dengan beliau.”***



Gambar 4.11: Pekerja En Ali sedang mengecat bot fiber

## BIODATA RESPONDEN


**Pak Lang** [Tn. Hj. Basharudin bin Hj. Md Salleh] merupakan seorang bekas Penghulu Mukim Bujang. Lahir pada tanggal 28 September 1948. Kini berusia 67 tahun dan Pak Lang memulakan persekolahan di Sekolah Umum Bujang (sekarang Sekolah Kebangsaan Muzaffar Shah) pada tahun 1954 sehingga 1960. Kemudian, beliau melanjutkan pelajaran ke Maktab Mahmud (Maahad) Alor Setar dari tahun 1961-1968. Oleh kerana prestasi yang cemerlang, Pak Lang diberi peluang belajar ke peringkat yang lebih tinggi, iaitu Tingkatan 6 Rendah dan 6 Atas di sebuah sekolah menengah di Jenan dari tahun 1969 hingga 1970. Pak Lang memulakan kerja sebagai seorang pembantu tadbir pada tahun 1971. Beliau dipilih menjawat jawatan sebagai Penghulu bermula dari tahun 1980 sehingga 2001. Kepimpinan cemerlang Pak Lang sebagai Penghulu telah beberapa kali membawa kejayaan kepada Kampung Bujang sehingga dinobatkan sebagai Desa Cemerlang dan Kampung Idaman peringkat negeri dan kebangsaan.



Encik Ali bin Din @ Tajuddin Wahab. Ahli Jatakuasa Kampung Mukim Bujang. Anak kepada Wahab, salah seorang peneroka asal di Kampung Kuala Segantang Garam. Kini, beliau menjalankan perusahaan membuat bot fiber di kampung tersebut.



**Puan Nab Mat Saman.** Adik ipar kepada En. Ali. Anak kepada Mat Saman yang melakukan penerokaan tanah hutan paya bakau di Kampung Segantang Garam. Puan Nab atau lebih dikenali sebagai Mak Long Nab dan suaminya Pak Long Hussain kini mengusahakan sebuah kedai runcit di kampung tersebut.



**Pak Su Keria.** Penduduk kampung di Kampung Bukit Aceh, Merbok. Berusia 78 tahun dan mempunyai banyak kisah menarik zaman dahulu untuk diceritakan.



Gambar 4.13: Pak Long Hussain, suami kepada Mak Long Nab. Peniaga runcit di Kampung Kuala Segantang Garam.

Kedah Darul Aman yang kaya dengan pelbagai khazanah sejarah perlu diterokai bukan sahaja dari aspek arkeologi tetapi juga sosioekonomi serta lain-lain aspek kehidupan. Merbok dan Gunung Jerai yang merupakan dua kawasan utama yang menyumbang kepada banyak petunjuk kewujudan asal negeri Kedah sudah pastinya turut mempunyai rahsia kehidupan masyarakat yang akan terkubur jika tidak didokumentasikan. Sehubungan itu, kompilasi bab di dalam buku ini merupakan suatu usaha untuk memastikan cara hidup, pembangunan penempatan dan juga nilai-nilai murni masyarakat terdahulu di kedua-dua kawasan tersebut dapat dicatat dan disimpan di persada sejarah. Catatan dan simpanan ini merupakan peninggalan yang tidak ternilai harganya bagi menjamin kesinambungan aspek kehidupan masyarakat di negara ini.

